

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M.ARAMESWARAN  
[ BATU ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [ BATU ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah cara penguatkuasaan yang akan diambil bagi menangani peniaga haram dari kumpulan PATI dan pemegang kad UNCHR di seluruh pusat bandar Kuala Lumpur terutamanya di Pasar Borong Selayang, Pasar Borong Kuala Lumpur, sekitar Bukit Bintang terutamanya di Plaza Low Yat, Imbi dan Jalan Alor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maklum dengan aktiviti perniagaan penjaja warga asing dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Harian Selayang. Mereka terdiri daripada warga Indonesia, Bangladesh, Myanmar (Pelarian Rohingya Pemegang Kad UNHCR) dan Nepal. Isu kebanjiran warga asing yang tinggal, bekerja dan berniaga dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

## SOALAN NO : 14

merupakan tanggungjawab bersama Agensi-Agensi Kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)* Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pihak DBKL secara khususnya seringkali melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana warga asing yang didapati menjalankan aktiviti penjajaan tanpa lesen. Tindakan sitaan serta merta terhadap pelbagai barangan perniagaan akan dilaksanakan dan semua barangan yang disita tidak boleh dituntut berdasarkan peruntukan di bawah :

- i. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.
- ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.
- iii. Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja warga asing dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang tahun 2019 sebanyak 5,745 tindakan pelbagai barangan perniagaan penjaja warga asing telah disita. Manakala bagi bulan Januari hingga Julai 2020 sebanyak 1,375 tindakan pelbagai barangan perniagaan penjaja warga asing telah disita.

DBKL juga telah menempatkan anggota penguatkuasa pada setiap hari dengan masa bertugas 24 jam untuk membuat pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja-penjaja di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Harian Selayang khasnya kepada penjaja warga asing. Sepanjang tahun 2019 melalui rondaan harian sebanyak 2,246 tindakan pelbagai barangan perniagaan penjaja warga asing telah disita. Manakala bagi bulan Januari hingga Julai 2020

## **SOALAN NO : 14**

sebanyak 857 tindakan pelbagai barangan perniagaan penjaja warga asing telah disita.

DBKL juga turut memprogramkan Operasi 'TEGAS' iaitu tindakan bersepadu ke atas warga asing bersama-sama dengan Agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan-Jabatan dalaman DBKL.

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 35 Siri Operasi TEGAS telah dilaksanakan dengan sebanyak 390 tindakan sitaan pelbagai barangan perniagaan penjaja warga asing disamping seramai 98 orang warga asing ditahan untuk pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala bagi bulan Januari hingga Julai 2020 sebanyak 3 Siri Operasi TEGAS dilaksanakan dengan sebanyak 92 tindakan sitaan pelbagai barangan penjaja warga asing di samping seramai 16 orang warga asing ditahan untuk pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia.

Sekian, terima kasih.